




UiTM@Media
2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

Sandal N.N. rekaan Muhammad Nazifi



MUHAMMAD NAZIFI menunjukkan sandal jenama N.N. di rumahnya di Kampung Kastam, Johor Bahru, Johor baru-baru ini.

TANPA mengenal erti putus asa, Muhammad Nazifi Nasri, 23, kini boleh berbangga apabila sandal ciptaaninya berjaya menembusi pasaran luar negara.

Sandal yang dinamakan N.N. itu dijual dalam talian sejak tahun 2014.

Graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Puncak Alam, Selangor itu mula mereka cipta sandal secara suka-suka ketika masih belajar di UiTM, Melaka dalam jurusan Diploma Perniagaan.

"Ketika itu timbul idea untuk membuat sandal kerana saya memang minat dan suka menggunakan sandal ketika berjalan. Saya bermula dengan membuat pelbagai lakaran sandal," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Johor Bahru, Johor baru-baru ini.

Akhirnya setelah menempuh pelbagai dugaan, Muhammad Nazifi akhirnya berjaya mereka sandal yang mampu memenuhi kehendak para pelanggannya.

Dia yang kini mengikuti

pengajian Ijazah Perniagaan Pengangkutan dan Logistik di UiTM, Puncak Alam memasarkan kesemua sandal itu dalam talian.

"Buat masa ini, perniagaan saya lebih kepada dalam talian dan sambutannya amat baik. Saya turut mendapat tempahan dari luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand," jelasnya yang mengagumi pereka kasut terkemuka negara, Datuk Jimmy Choo.

Menurut Muhammad Nazifi, sandal yang dihasilkannya mampu tahan lama kerana dihasilkan menggunakan bahan mentah berkualiti iaitu kulit buaya.

Selain itu, katanya, rekaan terkini dan corak eksklusif antara faktor yang menarik minat pelanggannya.

"Setiap corak sandal direka dalam kuantiti yang terhad dan bergantung kepada permintaan pelanggan. Saya turut memuat naik rekaan sandal dan pelanggan boleh

memilih rekaan tersebut sebelum saya membuatnya.

"Biasanya, sepasang sandal boleh disiapkan dalam tempoh dua minggu hingga sebulan. Saya menggunakan mesin dan tangan untuk bahagian tertentu sandal," katanya.

Lebih 300 pasang dijual dan sambutannya meningkat pada musim perayaan. Semua sandalnya diperbuat daripada kulit dan PVC pada harga antara RM100 hingga RM140.

Sandal N.N. juga pernah digunakan oleh model-model pada Minggu Fesyen Kuala Lumpur pada tahun lalu.

INFO N.N.

- Pereka: Muhammad Nazifi Nasri
- Material: Kulit dan PVC
- Harga: RM100 hingga RM140 sepasang
- E-mel: nazifinasri@rocketmail.com
- Telefon: 018-772 6448

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

